



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

SIARAN MEDIA

TUNGGAKAN KES PEMBAGIAN PUSAKA KECIL BERKURANGAN

Usaha berterusan oleh Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) menerusi Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) dalam menangani tunggakan kes pembahagian pusaka menunjukkan peningkatan positif apabila sejumlah 29,423 kes telah berjaya diselesaikan iaitu pengurangan 40% daripada tunggakan sedia ada.

Sehubungan itu, jumlah tunggakan kes pada awal tahun 2022 yang berjumlah 72,384 telah berkurangan kepada 42,961 kes sahaja sehingga bulan Ogos 2022. Pencapaian ini susulan semakan semula langkah kawalan Covid-19 semasa peralihan ke Endemik dan kelonggaran *Standard Operating Procedure* (SOP) Covid-19 oleh pihak Kerajaan Persekutuan mulai April dan Mei 2022. Penempatan semula (*re-deployment*) pegawai Unit Petugas Khas (UPK), JKPTG yang sebelum ini ditempatkan di pentadbiran tanah negeri ke Pejabat UPP di setiap negeri di Semenanjung Malaysia telah membantu meningkatkan kapasiti penyelesaian kes dalam jangka masa pendek. Proses *re-deployment* tersebut telah berjalan lancar dengan sokongan dan kerjasama berterusan daripada Pihak-Pihak Berkuasa Negeri.

KeTSA juga berharap pengambilan 50 pegawai dan 50 Pembantu Tadbir secara *Contract of Service* - COS mulai Januari 2023 kelak dapat menyelesaikan baki tunggakan secara tuntas dan segera. Ia supaya tunggakan kes ini dapat diselesaikan sebelum pindaan Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 [Akta 98] dikuatkuasakan. Ini kerana, purata tahunan kes yang diterima pada waktu ini iaitu 60 ribu kes dijangka meningkat 100% kepada 120 ribu kes sebaik sahaja Akta 98 dikuatkuasakan.



KeTSAMalaysia



KeTSAMalaysia



ketsa.malaysia



ketsamalaysia1

#Selamatkan
Hartamu Malaysia



#KELUARGA
MALAYSIA



Pihak JKPTG sedang bekerjasama dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Kementerian Kewangan (MOF) bagi memastikan cadangan pelantikan kakitangan tambahan secara COS selama tiga (3) tahun tersebut dapat dilaksanakan dengan kadar segera. Kakitangan tambahan yang dilantik secara COS ini akan ditempatkan di UPP Negeri-Negeri berdasarkan keperluan dan dijangkakan proses pengambilan selesai dibuat menjelang Disember 2022 dan tarikh lapor diri pada 02 Januari 2023.

Penghargaan turut disampaikan Menteri Tenaga dan Sumber Asli, YB Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan, kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan juga Kementerian Kewangan (MOF) kerana meluluskan permohonan KeTSA melantik 100 orang kakitangan tambahan secara COS bagi menangani tunggakan dan peningkatan kes pembahagian pusaka dalam Majlis Pelancaran Klinik Penyelesaian Tunggakan Kes Pembahagian Pusaka Peringkat Negeri Kelantan di Hotel Grand Riverview, Kota Bharu Kelantan hari ini. Majlis pelancaran tersebut telah disempurnakan perasmiannya oleh YB Dato' Ustaz Haji Abdullah bin Ya'kub, Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan.

KeTSA akan terus menerajui usaha-usaha bagi memastikan isu tunggakan pembahagian pusaka kecil diberi perhatian sewajarnya dalam memastikan suasana harmoni dapat diwujudkan di kalangan rakyat selaras dengan Nilai Kebersamaan dalam Konsep Keluarga Malaysia.

Perkara ini adalah selaras dengan objektif “Keluarga Malaysia – Makmur, Inklusif, Mampan” untuk membina Malaysia yang maju dan berdaya saing.

KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

26 SEPTEMBER 2022

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli

Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web www.ketsa.gov.my

 KeTSAMalaysia  KeTSAMalaysia  ketsa.malaysia  ketsamalaysia1

#Selamatkan
Harmoni
Malaysia

